

10 APR 1998

Formula Satu

MALAYSIA MUNGKIN ANJUR PERLUMBAAN PEMBUKAAN FORMULA SATU 1999

PETALING JAYA, 10 April (Bernama) -- Malaysia semakin hampir dipilih sebagai penganjur perlumbaan kereta Formula Satu tahun depan, dengan kemungkinan menganjurkan perlumbaan peringkat pertama dalam bulan Mac di Litar Sepang.

Presiden Persatuan Pembuat Kereta Formula Satu (FOCA), Bernie Ecclestone, dalam satu mesyuarat dengan pegawai-pegawai tinggi Malaysia Airports Berhad di London bulan lepas telah menyebut bahawa Malaysia akan mengnjurkan perlumbaan Formula Satu awal tahun depan.

Pengurus Kewangan Korporat Malaysia Airports, Hussin Mohd Ali mengesahkan hari ini bahawa Ecclestone amat berminat meletakkan Malaysia sebagai penganjur perlumbaan pembukaan musim 1999. Pengesahan muktamad akan dibuat Julai ini.

"Oleh kerana syarat-syarat penganjuran dan perjanjian sedang dibuat, Ecclestone memberitahu pegawai-pegawai tinggi kami bahawa FOCA akan siap menyusun kalendar perlumbaan musim 1999 Julai ini dan kita akan mengetahui keputusannya selepas itu," kata beliau pada majlis penyampaian cek tajaan Grand Prix Motosikal Malaysia di Johor 19 April, di sini hari ini.

FOCA adalah badan tertinggi perlumbaan Formula Satu -- membuat tawaran kepada penganjur perlumbaan, mengatur persiapan logistik dan perdagangan termasuk hak penyiaran televisyen.

Hussin berkata Ecclestone merasakan dengan menganjurkan perlumbaan pembukaan ia memberi kesan besar dan mampu mengharumkan nama Malaysia dalam arena perlumbaan Formula Satu kerana litar Sepang adalah antara litar terbaik di dunia.

Pada September 1996, Ecclestone, seorang jutawan perlumbaan kereta telah bersetuju Malaysia menjadi pengajur perlumbaan dunia tahun 1999 selepas bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu berada di Lisbon menyaksikan perlumbaan kereta Formula One.

Hussin, yang juga Pengarah Acara Grand Prix Malaysia berkata Malaysia bertuah kerana pembinaan litar Sepang berharga RM286 juta dekat Kuala Lumpur akan siap mengikut jadual.

"Kerja pembinaan telah siap 40 peratus dan kontraktor yang membina dikehendaki menyiapkannya October ini. Mereka kini bekerja tiap hari dan kami berharap kerja-kerja di trak perlumbaan siap Jun ini," kata Hussin.

Projek ini dikendalikan oleh Malaysia Airport manakala sebuah syarikat Malaysia, Iktisas Engineurs Sdn Bhd dan pakar pembinaan litar perlumbaan terkemuka dari Jerman Tilke Ingenieure Fur Umwelttechnik bertindak sebagai penasihat-perunding bersama.

Selain perlumbaan Formula Satu, litar sepanjang 5.6km ini juga boleh digunakan untuk perlumbaan motor lain, termasuk Grand Prix Malaysia.--

BERNAMA

AR ZB